83

PEMBUKAAN KAUNTER TNB DI TINGKAT ATAS VARSITY MALL 2 BAGI TUJUAN PENDAFTARAN AKAUN BIL ELEKTRIK BARU UNTUK PARA PENGHUNI PERUMAHAN UUM
Jabatan Pendaftar
Telah Dihantar: 21 April 2011 12:24
Kepada: UUM - All Staff

21 APRIL 2011
18 JAMADIL AWAL 1432H

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

HEBAHAN PENDAFTAR, 21 APRIL 2011:
PEMBUKAAN KAUNTER TNB DI TINGKAT ATAS VARSITY MALL 2 BAGI TUJUAN PENDAFTARAN AKAUN BIL ELEKTRIK BARU UNTUK PARA PENGHUNI PERUMAHAN UUM

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Yang Berbahagia Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan

Dengan hormatnya pihak kami merujuk perkara di atas dan notis yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar kepada semua penghuni Perumahan UUM bertarikh 30 Mac 2011.

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak TNB Cawangan Jitra bersetuju membuka kaunter pendaftaran akaun bil elektrik baru untuk para penghuni Perumahan UUM di Sisiran Naib Canselor, Perumahan Kakitangan (Perumahan Sintok) dan Taman Universiti seperti berikut :

Tarikh : 25-26 April 2011 (Isnin-Selasa)
Masa : 9.00 pagi – 5.00 ptg
Tempat : Lot 126-127, Tingkat Atas, Varsity Mall 2, UUM

Sehubungan itu sila bawa bersama perkara-perkara berikut untuk tujuan pendaftaran iaitu :

1) **Surat Tawaran Menduduki Perumahan/Surat Pengesahan Menduduki Perumahan yang dikeluarkan oleh Urusetia Perumahan, Jabatan Pendaftar.**
2) **Salinan Kad Pengenalan sendiri dan saksi (suami/isteri/jiran/kawan).**
3) **Bil elektrik asal (untuk rumah yang diduduki).**
4) **Setem Hasil bernilai RM10.00**
5) **Wang Proses RM3.00**